



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN BAGI TRANSIT DEWAN MALAYSIA

C. SYARAT DAN PERATURAN: (SILA BACA DAN PATUHI SYARAT DAN PERATURAN DI BAWAH)

1. Pemohon hendaklah mematuhi semua peraturan dan disiplin Dewan Malaysia.
2. Pihak Education Malaysia Australia (EMA)/Dewan Malaysia berhak mengambil sebarang tindakan sekiranya penghuni melanggar peraturan yang telah ditetapkan, atau cuba mempengaruhi mana-mana pihak, atau mewujudkan perkara-perkara yang boleh mengganggu atau menimbulkan masalah kepada penghuni atau pentadbir Dewan Malaysia ataupun mana-mana pihak.
3. Penginapan untuk tujuan-tujuan lain hanya maksima 5 hari atau melebihi had tempoh boleh dipertimbangkan dengan kelulusan khas pihak Education Malaysia Australia (EMA). Permohonan mestilah disokong dengan dikemukakan surat arahan bertugas dari Ketua Jabatan atau surat dari pihak universiti (tertakluk kepada kekosongan bilik).
4. Pemohon mesti mengisi Borang Permohonan mengikut kod Borang berkenaan;
Kod Borang DMP2 (Bukan Pelajar).
Penting: Tetamu kelamin dan membawa pasangan perlu menyertakan salinan kad nikah bersama permohonan.
5. Semua bayaran dalam nilai matawang **AUD\$** sahaja. Semua bayaran mestilah dijelaskan semasa daftar masuk. Hanya bayaran tunai **AUD\$** diterima semasa pendaftaran masuk.
6. Segala pembatalan penginapan mestilah dibuat tidak kurang dari **7 hari bekerja sebelum tarikh masuk** dan tuntutan bayaran akan dibuat jika pemohon gagal berbuat demikian.
7. Kadar sewaan **setiap orang** adalah seperti berikut: **AUD\$20.00 (Bukan-pelajar)**
Kadar sewaan bilik selepas 3 hari: **AUD\$30.00 (Bukan-pelajar)**
**kanak-kanak di bawah umur 7 tahun percuma.*
8. Semua Penginap adalah dikehendaki membuat bayaran cagaran sewaan bilik **AUD\$100.00 setiap permohonan** dan cagaran kad/pas keluar masuk dewan sebanyak **AUD\$100.00 setiap kad**. Wang cagaran akan dikembalikan semasa daftar keluar (tertakluk kepada perkara 9 Syarat dan Peraturan ini). Cagaran kad akses tidak akan dipulangkan sekiranya kad hilang.
9. Penginap dikehendaki membayar caj perkhidmatan bilik **AUD\$15.00 seorang** masa pendaftaran. Caj tambahan akan dikenakan sekiranya penginap telah melanggar peraturan kebersihan Dewan Malaysia atau kerosakan akibat dari kecuiaan penginap.
10. Masa **daftar masuk** (check-in) pada **hari bekerja** adalah mulai jam **2.00 petang hingga 4.00 petang**. Masa **daftar keluar** (check-out) pada jam **10.00 pagi**. Masa daftar masuk dan keluar selain dari waktu berkenaan hendaklah dimaklumkan ke Pengurusan Dewan Malaysia dengan terlebih dahulu (mengikut ketetapan masa pihak Pengurusan Dewan Malaysia).
11. Pihak Education Malaysia Australia (EMA)/Dewan Malaysia tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan atau kerosakan harta benda peribadi penginap semasa menginap di Dewan Malaysia.
12. Pihak Pengurusan Dewan Malaysia tidak menyediakan peralatan bilik air dan tuala mandi.
13. Di atas faktor bilangan bilik yang terhad, pihak Education Malaysia Australia (EMA)/Dewan Malaysia berhak mengatur dan menukar mana-mana penempatan penghuni di Dewan Malaysia. Tiada bilik 'single' disediakan.
14. Talian internet disediakan. Semua urusan mengenai talian internet perlu dibuat dengan Pengurusan Dewan Malaysia.
15. Pihak Education Malaysia Australia (EMA) berhak menolak mana-mana permohonan tanpa memberi sebarang alasan bertulis